

01/03/2000

MB yakin Mahathir, Abdullah dapat sokongan

KUANTAN, Selasa - Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob percaya sebahagian besar bahagian Umno di negeri itu akan mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Presiden dan Timbalan Presiden parti.

Oleh itu, beliau yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, berkata ketua Umno bahagian perlu meyakinkan perwakilan masing-masing supaya berbuat demikian.

"Saya tidak boleh menyatakan semua 11 bahagian akan mencalonkan Dr Mahathir dan Abdullah tetapi percaya sebahagian besar sudah pasti mendengar nasihat Majlis Tertinggi (MT) supaya tiada pertandingan bagi kedua-dua jawatan itu, Mei ini.

"Saya juga tidak terkejut sekiranya ada bahagian mengambil pendirian berlainan," katanya selepas menerima kunjungan Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang, Datuk Dr Helmi Yahya di kediaman rasminya di sini, petang semalam.

Dr Helmi yang diiringi beberapa ahli Exco Kerajaan Negeri dan pegawai kerajaan Pulau Pinang menemui Adnan untuk menjemput secara rasmi Kerajaan Pahang menyertai Sukma VIII di Pulau Pinang.

Mengenai persiapan menghadapi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) kawasan Sanggang berikutan kematian wakil rakyatnya, Abdullah Kia, Sabtu lalu, Adnan yang juga Pengerusi Perhubungan Umno negeri, berkata Umno negeri mempunyai strategi tertentu bagi mengekalkan kerusi itu.

"Ketika ini, kita sedang menyenaraikan beberapa orang yang berpotensi dipilih menjadi calon dalam pilihan raya kecil itu," katanya.

(END)